

D.R. 3/93

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

**RANG UNDANG-UNDANG RUMAH
PENYEMBELIHAN (PENSWASTAAN) 1993**

SUSUNAN FASAL

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

**LESEN UNTUK MENGENDALIKAN RUMAH PENYEMBELIHAN,
PENGANTUNGAN DAN PEMBATALAN LESEN**

3. Kuasa Menteri untuk memberi lesen untuk mengendalikan rumah penyembelihan.
4. Penggantungan atau pembatalan lesen atas pelanggaran syarat lesen.
5. Penggantungan atau pembatalan lesen atas pelanggaran Akta atau kaedah-kaedah.

BAHAGIAN III

TUGAS-TUGAS PENGENDALI BERLESEN

6. Tugas-tugas am pengendali berlesen.
7. Pengemukakan laporan-laporan, akaun-akaun, maklumat statistik, dll.

BAHAGIAN IV

CAT DAN FEE

8. Kuasa pengendali berlesen untuk memungut caj dan fee.
9. Pengemukakan memorandum bagi perubahan pada caj dan fee yang sedia ada.
10. Menteri hendaklah membuat pindaan kepada kaedah-kaedah berkenaan dengan perubahan pada caj dan fee.

RANG UNDANG-UNDANG**BAHAGIAN V****KAEDAH-KAEDAH, PENALTI AM, KESALAHAN OLEH PERTUBUHAN
PERBADANAN DAN PENJALANAN PENDAKWAAN**

Fasal

11. Kaedah-kaedah.
12. Penalti am.
13. Kesalahan dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.
14. Penjalanan pendakwa.

BAHAGIAN VI**PELBAGAI**

15. Kuasa-kuasa, fungsi-fungsi dan tugas-tugas Ketua Pengarah.
16. Kuasa pemeriksaan Ketua Pengarah.
17. Kuasa-kuasa khas semasa darurat.
18. Penyampaian notis.
19. Pengesahan.
20. Orang-orang yang disifatkan sebagai pemegang-pemegang lesen.

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi memudahkan penswastaaan rumah-rumah penyembelihan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dull Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaaan) 1993 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah terpakai bagi seluruh Malaysia.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan yang dilantik di bawah seksyen 3 Ordinan Haiwan 1953 dan termasuklah Timbalan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen yang sama; Ord. 17/53.

"lesen" ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian II;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kawalan rumah penyembelihan;

"pengendali berlesen" ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilesenkan di bawah Bahagian II untuk mengendalikan rumah penyembelihan;

"rumah penyembelihan" ertinya mana-mana tempat, dengan kemudahan-kemudahan yang sepatutnya untuk pemeriksaan daging, bagi menyembelih haiwan yang ditentukan dalam Jadual;

"untuk mengendalikan" ertinya untuk membina atau untuk menguruskan rumah penyembelihan atau untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan rumah penyembelihan.

BAHAGIAN II

LESEN UNTUK MENGENDALIKAN RUMAH PENYEMBELIHAN, PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN LESEN

Kuasa
Menteri
untuk mem-
beri lesen
untuk me-
ngendalikan
rumah
penyem-
belihan.

3. (1) Menteri boleh memberi lesen kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang tender atau cadangannya untuk mengendalikan rumah penyembelihan telahpun disetujui oleh Kerajaan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah menyatakan—

- (a) tempoh lesen itu;
- (b) fee lesen tahunan yang kena dibayar oleh pemegang lesen;
- (c) tugas-tugas tertentu pemegang lesen berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang akan diadakan olehnya; dan
- (d) apa-apa perkara atau syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(3) Pengeluaran sesuatu lesen kepada mana-mana orang atau kumpulan orang di bawah subseksyen (1) hendaklah tidak mengenakan apa-apa liabiliti ke atas Kerajaan Malaysia bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan, peninggalan atau keingkaran orang atau kumpulan orang itu.

4. (1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa seseorang pengendali berlesen sedang melanggar, atau telah melanggar dan berkemungkinan melanggar lagi, mana-mana syarat lesennya, Ketua Pengarah boleh member! notis secara bertulis kepada pengendali berlesen itu menghendakinya mematuhi syarat itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis.

Peng-
gantunjn
atau
pembatalan
lesen atas
pelanggaran
syarat lesen.

(2) Jika, apabila tamatnya tempoh yang ditetapkan dalam notis itu, pengendali berlesen itu gagal mematuhi syarat yang disebutkan dalamnya, Ketua Pengarah hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu laporan mengenai kegagalan oleh pengendali berlesen itu dan laporan itu hendaklah dalam bentuk yang difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika, selepas menimbang laporan daripada Ketua Pengarah, Menteri berpuas hati bahawa pelanggaran-pelanggaran itu, atau pelanggaran-pelanggaran yang dibimbangkan itu, bersifat serius atau telah menjejaskan atau berkemungkinan menjejaskan kepentingan atau keselamatan awam, dan pengendali berlesen itu telah enggan untuk mengambil atau belum mengambil kesemua langkah yang didapati oleh Menteri adalah perlu bagi maksud memastikan pematuhan syarat yang berkenaan, Menteri boleh memberi notis kepada pengendali berlesen itu yang menyatakan bahawa dia bercadang untuk menggantungkan atau membatalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, lesen pengendali berlesen itu dan notis sedemikian hendaklah juga menyatakan—

- (a) syarat lesen yang telah dilanggari oleh pengendali berlesen itu dan perbuatan-perbuatan atau peninggalan-peninggalan yang menjadi pelanggaran itu; dan
- (b) tempoh (yang tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu) yang dalamnya pengendali berlesen itu boleh membuat representasi-representasi berkenaan dengan penggantungan atau pembatalan yang

dicadangkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Selepas tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam notis itu dan setelah menimbang apa-apa representasi yang dibuat oleh pengendali berlesen itu, jika ada, Menteri hendaklah memutuskan sama ada hendak meneruskan tindakan yang dicadangkan itu atau tidak akan mengambil apa-apa tindakan lanjut.

(5) Suatu notis hendaklah diberikan oleh Menteri kepada pengendali berlesen itu mengenai keputusannya dan keputusan itu hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh yang notis tersebut disampaikan kepada pengendali berlesen itu.

(6) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah terakhir dan muktamad.

Peng-
gantungan
atau
pembatalan
Iesen atas
pelanggaran
Akta atau
kaedah-
kaedah.

5. (1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa seseorang pengendali berlesen telah melanggar atau telah gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, dia hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu laporan mengenai pelanggaran atau ketakpatuhan oleh pengendali berlesen itu.

(2) Jika, setelah menimbang laporan daripada Ketua Pengarah, Menteri berpuas hati bahawa pelanggaran atau ketakpatuhan itu bersifat serius atau telah menjejaskan atau berkemungkinan menjejaskan kepentingan atau keselamatan awam, dia hendaklah memberi kepada pengendali berlesen itu suatu notis yang menyatakan bahawa dia bercadang untuk menggantungkan atau membatalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, lesen pengendali berlesen itu dan notis itu hendaklah juga menyatakan—

(a) peruntukan-peruntukan Akta atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya yang telah dilanggari oleh pengendali berlesen itu dan perbuatan-perbuatan atau peninggalan-peninggalan yang menjadi pelanggaran itu; dan

(b) tempoh (yang tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu) yang dalamnya pengendali berlesen itu boleh membuat representasi-representasi berkenaan dengan penggantungan atau pembatalan yang dicadangkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Selepas tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam notis itu dan setelah menimbang apa-apa representasi yang dibuat oleh pengendali berlesen itu, jika ada, Menteri hendaklah memutuskan sama ada hendak meneruskan tindakan yang dicadangkan itu atau tidak akan mengambil apa-apa tindakan lanjut.

(4) Suatu notis hendaklah diberikan oleh Menteri kepada pengendali berlesen itu mengenai keputusannya dan keputusan itu hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh yang notis tersebut disampaikan kepada pengendali berlesen itu.

(5) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah terakhir dan muktamad.

;

BAHAGIAN III

TUGAS-TUGAS PENGENDALI BERLESEN

6. (1) Maka adalah menjadi kewajipan seseorang pengendali berlesen untuk memastikan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan olehnya memenuhi standard-standard prestasi yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen 15 (2).

Tugas-tugas
am
pengendali
berlesen.

(2) Seseorang pengendali berlesen hendaklah memberi perhatian yang sewajarnya terhadap kecekapan, ekonomi dan keselamatan pengendalian berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan olehnya dan hendaklah, pada setiap masa, memastikan bahawa kendaliannya dijalankan di bawah keadaan bersih.

Pengemukakan
laporan-
laporan,
akaun-akaun,
maklumat
statistik,
dll.

7. (1) Menteri boleh menghendaki seseorang pengendali berlesen—

(a) mengemukakan kepada Ketua Pengarah dalam masa tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah—

(i) suatu laporan mengenai kendaliannya dalam tahun kewangan itu yang mengandungi apa-apa maklumat yang perlu untuk membolehkan Kerajaan membuat suatu penilaian termaklum tentang kendalian itu; dan

(ii) kunci kira-kira dan akaun untung rugi tahunannya yang telah diaudit dan laporan-laporan juruaudit dan pengarah-pengarahnya;

(b) mengemukakan kepada Ketua Pengarah—

(i) apa-apa maklumat statistik berhubungan dengan kendaliannya sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan dari semasa ke semasa;

(ii) ramalannya tentang bilangan haiwan yang akan disembelih bagi sesuatu tempoh yang dinyatakan, dan ramalan itu hendaklah dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa; dan

(iii) rancangan-rancangan pembangunan masa depan berhubungan dengan apa-apa perkhidmatan atau kemudahan yang mesti diadakan olehnya di bawah syarat-syarat lesen.

(2) Ketua Pengarah boleh menghendaki seseorang pengendali berlesen untuk mengemukakan apa-apa maklumat lanjut atau tambahan sebagaimana yang difikirkannya perlu sama ada dengan cara penjelasan, penghuraian atau selainnya berkenaan dengan apa-apa laporan atau maklumat yang dimajukan oleh pengendali

berlesen itu di bawah subseksyen (1) dan maklumat itu hendaklah dikemukakan dalam apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa cara yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN IV

CAJ DAN FEE

8. Walau apa pun peruntukan Akta ini atau Akta Prosedur Kewangan 1957, semua caj dan fee yang ditetapkan di bawah kaedah-kaedah yang dibuat menurut perenggan 11 (2) (f) bagi mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan rumah penyembelihan hendaklah dipungut oleh dan menjadi sebahagian daripada pendapatan pengendali berlesen.

Kuasa pengendali berlesen untuk memungut caj dan fee. *Akta 61*

9. (1) Seseorang pengendali berlesen boleh mengemukakan kepada Menteri bagi kelulusannya suatu memorandum yang mengandungi cadangan-cadangan bagi apa-apa perubahan pada caj dan fee yang sedia ada yang ditetapkan di bawah perenggan 11 (2) (f).

Pengemukaan memorandum bagi perubahan pada caj dan fee yang sedia ada.

(2) Menteri hendaklah menimbang memorandum yang dikemukakan itu dalam masa enam bulan dari pengemukaannya.

(3) Menteri boleh—

(a) meluluskan memorandum itu tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian kepada cadangan-cadangan yang terkandung dalam memorandum itu sebagaimana yang difikirkannya layak dan patut;

(b) menolak memorandum itu.

(4) Jika Menteri menolak memorandum itu, pengendali berlesen itu boleh, jika terdapat perubahan dalam hal keadaan berhubungan dengan cadangan dalam memorandum itu, memohon kepada Menteri untuk suatu kajian semula:

Dengan syarat bahawa permohonan untuk kajian semula itu hendaklah dibuat sebelum tamatnya tempoh

tiga puluh hari dari tarikh notis penolakan memorandum itu.

(5) Menteri hendaklah menimbang permohonan untuk kajian semula dalam masa tiga bulan dari pengemukaannya.

Menteri hendaklah membuat pindaan kepada kaedah-kaedah berkenaan dengan perubahan pada caj dan fee.

10. Jika Menteri meluluskan sesuatu memorandum, dengan atau tanpa apa-apa ubahsuaian, dia hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, membuat pindaan-pindaan yang perlu kepada kaedah-kaedah yang dibuat menurut perenggan 11 (2) (f) berkenaan dengan perubahan pada caj dan fee yang sedia ada.

BAHAGIAN V

KAEDAH-KAEDAH, PENALTI AM, KESALAHAN OLEH PERTUBUHAN PERBADANAN DAN PENJALANAN PENDAKWAAN

Kaedah-kaedah.

11. (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, membuat apa-apa kaedah sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat bagi melaksanakan atau mencapai tujuan-tujuan dan maksud-maksud Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kaedah-kaedah boleh dibuat—

- (a) untuk mengadakan peruntukan bagi kawalan oleh Ketua Pengarah tentang apa-apa projek yang dijalankan oleh seseorang pengendali berlesen untuk memajukan dan membangunkan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan di mana-mana rumah penyembelihan;
- (b) untuk mengadakan peruntukan bagi rekabentuk dan spesifikasi rumah-rumah penyembelihan yang baru;
- (c) untuk mengawalselia penggunaan selamat rumah-rumah penyembelihan dan premis yang di bawah kawalan seseorang pengendali berlesen;

RUMAH PENYEMBELIHAN (PENSWASTAAN)11

- (d) untuk mengadakan peruntukan bagi kebersihan rumah-rumah penyembelihan dan premis dalam kawasan rumah-rumah penyembelihan, dan untuk mencegah pencemaran kawasan sekeliling;
- (e) untuk mengadakan peruntukan bagi keselamatan orang-orang yang bekerja dalam sesuatu rumah penyembelihan;
- (f) untuk menetapkan apa-apa fee atau caj sebagaimana yang perlu bagi maksud-maksud Akta ini;
- (g) untuk memastikan kawalan yang sepatutnya ke atas penyembelihan haiwan; dan
- (h) secara amnya untuk memberi kuatkuasa kepada peruntukan-peruntukan Akta ini.

12. Mana-mana pengendali berlesen yang melanggar atau gagal mematuhi apa-apa syarat lesen atau mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Penalti am.

13. Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan (sama ada pertubuhan perbadanan itu telah didakwa atau tidak), tiap-tiap pengarah, setiausaha atau pengurus pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha wajar untuk menghalang perlakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya memandangkan jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan kes itu. Kesalahan dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

Penjalanan
pendakwaan.

14. Pendakwaan-pendakwaan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya boleh dijalankan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai atau pengkhidmat Kerajaan yang diberikuasa secara khusus bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Kuasa-kuasa,
fungsi-fungsi
dan tugas-
tugas Ketua
Pengarah.

15. (1) Ketua Pengarah hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa-kuasa yang diberikan dan fungsi-fungsi dan tugas-tugas yang dikenakan ke atasnya oleh mana-mana undang-undang bertulis, menjalankan fungsi-fungsi pengawalseliaan berkenaan dengan pengadaan perkhidmatan-perkhidmatan rumah penyembelihan dan pengurusan kemudahan-kemudahan rumah penyembelihan oleh seseorang pengendali berlesen.

(2) Ketua Pengarah hendaklah, dengan kelulusan Menteri, melalui kaedah-kaedah, menetapkan apa-apa standard prestasi mengenai pengadaan perkhidmatan-perkhidmatan rumah penyembelihan yang, pada pendapatnya, patut dicapai oleh seseorang pengendali berlesen.

Kuasa
pemeriksaan
Ketua
Pengarah.

16. Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai yang diberikuasa dengan sewajarnya olehnya secara bertulis boleh, bagi maksud-maksud Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, memasuki mana-mana premis yang diduduki oleh seseorang pengendali berlesen untuk meneliti dan memeriksa keadaan premis itu atau mana-mana bangunan atau kemudahan di dalamnya.

Kuasa-kuasa
khas semasa
darurat.

17. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, apabila berlakunya apa-apa wabak penyakit, kekacauan perindustrian, mogok, sekat-masuk atau apa-apa kejadian lain yang menimbulkan keadaan darurat, atau

demi kepentingan keselamatan awam, memberikuasa Menteri untuk—

- (a) menggantung lesen seseorang pengendali berlesen dan mengambil milikan sementara mana-mana rumah penyembelihan seseorang pengendali berlesen;
- (b) menarik balik sama ada sebahagian atau keseluruhan penggunaan mana-mana perkhidmatan atau kemudahan rumah penyembelihan daripada mana-mana orang atau golongan orang atau daripada orang awam pada umumnya.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh juga memberikuasa Menteri atau mana-mana pegawai lain yang bekerja dengan Kerajaan untuk mengendalikan rumah penyembelihan yang diambil milikan di bawah perenggan (1) (a).

(3) Pengendali berlesen hendaklah memberi segala bantuan yang perlu apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Menteri atau mana-mana pegawai yang diberikuasa untuk mengendalikan rumah penyembelihan di bawah subseksyen (2).

(4) Jika apa-apa keraguan berbangkit tentang kewujudan sesuatu darurat atau sama ada apa-apa tindakan yang dibuat di bawah subseksyen (1) adalah demi kepentingan keselamatan awam, maka suatu perakuan yang ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong dan dipamerkan di mana-mana tempat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri hendaklah menjadi bukti muktamad mengenainya.

(5) Jika Kerajaan mengambil milikan mana-mana rumah penyembelihan di bawah perenggan (1) (a) pengendali berlesen itu hendaklah dibayar pampasan mencukupi yang hendaklah ditentukan oleh Ketua Pengarah selepas memberikan pengendali berlesen itu peluang untuk didengar atas perkara itu.

(6) Mana-mana pengendali berlesen yang tidak berpuas hati dengan penentuan atau keputusan Ketua Pengarah boleh merayu kepada Menteri terhadap penentuan atau keputusan itu.

Penyampaian
notis.

18. Apa-apa notis yang dikehendaki disampaikan kepada seseorang pengendali berlesen di bawah Akta ini hendaklah disampaikan—

(a) dengan menghantarserahkan notis itu kepada pengendali berlesen itu sendiri; atau

(b) dengan mengeposkan notis itu melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada pengendali berlesen itu.

(2) Jika sesuatu notis telah diposkan mengikut perenggan (1) (b), notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada pengendali berlesen itu apabila habisnya tempoh satu minggu dari tarikh notis itu diposkan.

Pengesahan,

19. Apa-apa fee yang dipungut dan dipegangsimpan oleh mana-mana orang berkenaan dengan pengendalian mana-mana rumah penyembelihan menurut apa-apa perjanjian, pajakan atau penyewaan yang telah dibuat sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini di antara Kerajaan Malaysia dan orang itu adalah dengan ini disahkan dan disifatkan telah dipungut dan dipegangsimpan dengan sahnyanya oleh orang itu.

Orang-orang
yang
disifatkan
sebagai
pemegang-
pemegang
lesen.

20. (1) Mana-mana orang yang telah membuat perjanjian, pajakan atau penyewaan dengan Kerajaan Malaysia berkenaan dengan pengendalian sesuatu rumah penyembelihan, yang sedang berkuatkuasa pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai pemegang lesen di bawah Akta ini.

(2) Menteri hendaklah, dalam masa enam puluh hari dari mula berkuatkuasanya Akta ini, mengeluarkan kepada pemegang lesen di bawah subseksyen (1) suatu lesen yang hendaklah—

(a) sah bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada tempoh yang tinggal di bawah perjanjian, pajakan atau penyewaan; dan

(b) mengandungi terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang

diperuntukkan dalam perjanjian, pajakan atau penyewaan,

yang telah dibuat di antara pihak-pihak itu.

JADUAL (Seksyen 2)

Lembu/Kerbau
Kambing/Biri-biri
Babi/Babi Betina

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memudahkan penswastaan rumah-rumah penyembelihan.

2. *Fasal 1* mengadakan peruntukan mengenai tajuk ringkas dan tarikh mula berkuatkuasa, sementara *fasal 2* adalah berhubungan dengan tafsiran.

3. *Fasal 3* memperuntukkan bahawa Menteri boleh memberi lesen kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang tender atau cadangannya untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan rumah penyembelihan telahpun disetujuterima oleh Kerajaan. *Subfasal 2* menyatakan butir-butir yang akan ada dalam setiap lesen yang dikeluarkan.

4. *Fasal 4* memberi kepada Menteri kuasa untuk menggantung atau membatalkan mana-mana lesen yang dikeluarkan jika pengendali berlesen sedang melanggar, atau telah melanggar dan berkemungkinan melanggar lagi, mana-mana syarat lesen yang dikeluarkan kepadanya.

5. *Fasal 5* memberi kepada Menteri kuasa untuk menggantung atau membatalkan mana-mana lesen yang dikeluarkan jika pengendali berlesen telah melanggar atau telah gagal mematuhi peruntukan-peruntukan Rang Undang-Undang ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya.

6. *Fasal 6* mengadakan peruntukan mengenai tugas-tugas am seseorang pengendali berlesen.

7. *Fasal 7* menghendaki seseorang pengendali berlesen mengemukakan kepada Ketua Pengarah dalam masa tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan suatu laporan mengenai kendaliannya dalam tahun itu dan juga kunci kira-kira dan akaun untung rugi tahunannya yang telah diaudit dan laporan juruaudit dan pengarah-pengarahnya. Pengendali berlesen itu hendaklah juga mengemukakan maklumat statistik dan rancangan-rancangan pembangunan masa depan, apabila dikehendaki berbuat demikian.

Subfasal (2) memberi kepada Ketua Pengarah kuasa untuk mendapatkan maklumat lanjut atau tambahan dengan cara suatu penjelasan, penghuraian atau selainnya tentang apa-apa laporan atau maklumat yang dimajukan oleh seseorang pengendali berlesen.

8. *Fasal 8* mengadakan peruntukan mengenai kuasa seseorang pengendali berlesen untuk memungut caj dan fee.

9. *Fasal 9* membuat peruntukan bagi seseorang pengendali berlesen mengemukakan kepada Menteri, bagi kelulusannya, suatu memorandum bagi apa-apa perubahan pada caj dan fee yang sedia ada. Menteri boleh meluluskan memorandum itu, dengan atau tanpa ubahsuaian, atau dia boleh menolak memorandum itu. Jika memorandum itu ditolak, pengendali berlesen itu boleh memohon kepada Menteri untuk suatu kajian semula jika terdapat perubahan dalam hal keadaan yang berhubungan dengan cadangan-cadangan dalam memorandum itu.

10. Jika Menteri meluluskan sesuatu memorandum, *fasal 10* menghendaki Menteri membuat pindaan-pindaan yang perlu kepada kaedah-kaedah yang dibuat berkenaan dengan caj dan fee.

11. *Fasal 11* memberi kepada Menteri kuasa membuat apa-apa kaedah-kaedah sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat bagi melaksanakan atau mencapai tujuan atau maksud Akta ini.

12. *Fasal 12* mengadakan peruntukan mengenai penalti am bagi apa-apa kesalahan di bawah Rang Undang-Undang ini.

13. *Fasal 13* memperkatakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan.

14. *Fasal 14* membolehkan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai atau pengkhidmat Kerajaan yang diberikuasa secara khusus bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan pendakwaan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Rang Undang-Undang atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya.

15. *Fasal 15* memperuntukkan bahawa sebagai tambahan kepada kuasa, fungsi dan tugas yang dikenakan atau diberikan kepada Ketua Pengarah oleh mana-mana undang-undang bertulis, dia hendaklah juga menjalankan fungsi-fungsi pengawalseliaan

berkenaan dengan pengadaan perkhidmatan-perkhidmatan rumah penyembelihan dan pengurusan kemudahan-kemudahan rumah penyembelihan oleh seseorang pengendali berlesen.

Subfasal (2) memberi kepada Ketua Pengarah kuasa untuk membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan standard prestasi yang patut dicapai oleh seseorang pengendali berlesen.

16. *Fasal 16* bertujuan membolehkan Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai yang diberikuasa dengan sewajarnya olehnya secara bertulis memasuki mana-mana premis yang diduduki oleh seseorang pengendali berlesen untuk meneliti dan memeriksa keadaan premis itu.

17. *Fasal 17* bertujuan memberi kuasa-kuasa khas kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memberikuasa Menteri dalam hal darurat atau demi kepentingan keselamatan awam untuk menggantung lesen seseorang pengendali berlesen dan untuk mengambil milikan sementara rumah penyembelihan itu.

18. *Fasal 18* menyatakan cara notis hendak disampaikan.

19. *Fasal 19* bertujuan mengesahkan segala fee yang dipungut dan dipegangsimpan oleh mana-mana orang berkenaan dengan pengendalian mana-mana rumah penyembelihan menurut apa-apa perjanjian, pajakan atau penyewaan yang telah dibuat sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini di antara Kerajaan Malaysia dan orang itu.

20. *Fasal 20* bertujuan menyifatkan orang-orang yang telah membuat perjanjian, pajakan atau penyewaan dengan Kerajaan Malaysia berkenaan dengan pengendalian sesuatu rumah penyembelihan, yang masih berkuatkuasa pada tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini, sebagai pemegang-pemegang lesen. Fasal ini juga membuat peruntukan bagi Menteri mengeluarkan suatu lesen kepada pemegang lesen dan lesen tersebut hendaklah mengandungi terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan dalam perjanjian, pajakan atau penyewaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1688.]